

SEREMBAN, Rabu. — Kerajaan sedang menyusun langkah-langkah korektif yang lebih berkesan di bawah Rancangan Malaysia Keempat untuk membenters masalah dadah.

Presiden Pemadam, Datuk Rais Yatim berkata usaha-usaha ini sedang dilaksanakan oleh unit bertindak anti dadah menerusi jabatan-jabatan yang berkenaan.

Unit tersebut yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad juga sedang menyusun berbagai usaha membenters masalah tersebut.

Datuk Rais yang juga Menteri Besar Negeri Sembilan telah mengulas kenyataan Biro Keselamatan Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia kononnya sebilangan besar kementerian dan agensi kerajaan bersikap dingin terhadap masalah dadah.

Langkah2 berkesan disusun dalam RME membenters dadah

Sambil menafikan dakwaan tersebut, beliau menegaskan kerajaan membelanjakan \$100 juta sejak tiga tahun lalu melaksanakan usaha-usaha pencegahan dan pemulihan penagih dadah dan ini sudah cukup membuktikan kesungguhannya dalam melaksanakan usaha-usaha membenters masalah tersebut.

"Bagaimanapun saya bersetuju jika dikatakan

kita belum berjaya sepenuhnya dalam usaha itu kerana masalah ini sukar diatasi," tambahnya.

Datuk Rais bersetuju dengan cadangan biro tersebut supaya penagih dadah dianggap sebagai penjenayah bagi membolehkan mereka yang terlibat diberikan rawatan pemulihan yang lebih agresif.

"Dengan ini, kita dapat mempopularkan rawatan 'cold turkey' kerana ia didapati lebih berkesan," tambahnya.